

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	17 MAY 2016



**NAJIB TUN RAZAK** melihat pameran koleksi foto lama bapanya, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein yang menghadiri Mesyuarat Ketua-ketua Negara Komanwel 50 tahun lalu, semasa menghadiri sesi sarapan pagi Bursa Malaysia di Marlborough House, London, semalam. - BERNAMA

# Koleksi foto Tun Abdul Razak di Marlborough House

UM-17/5/2016

**KUALA LUMPUR 16 Mei** - Datuk Seri Najib Tun Razak berpeluang melihat gambar bapanya, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein yang dipamerkan di Marlborough House, London, United Kingdom (UK) hari ini.

Perdana Menteri berkata, gambar bapanya itu diambil lebih 50 tahun lalu ketika Allahyarham menghadiri Mesyuarat Ketua-ketua Negara Komanwel.

“Semasa dibawa melawat Marlborough House oleh Pengerusi Majlis Perusahaan dan Pelaburan Komanwel (CWEIC), Lord Marland, saya ternampak sekeping gambar ayahanda yang diambil lebih 50 tahun lalu.

“Ketika itu, ayahanda mewakili Malaysia sebagai pemangku Perdana Menteri dalam Mesyuarat Ketua-ketua Negara Komanwel di London,” katanya melalui laman

Facebook beliau.

Najib berada di London untuk menghadiri antara lain, mesyuarat tahunan Majlis Penasihat Sains dan Inovasi Global (GSIAC) serta merasmikan Malaysia-UK Investor Showcase.

Marlborough House kini menempatkan Ibu Pejabat Sekretariat Komanwel dan pernah menjadi kediaman rasmi Duke of Marlborough di London.